Kegagalan murid memperoleh markah yang cemerlang perlu diberi tumpuan agar perkara ini dapat ditemukan jalan penyelesaian dan murid dapat dibantu untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam setiap peperiksaan awam. Matlamat untuk jangka masa panjang, keutuhan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi akan terus terpelihara oleh generasi muda pada hari ini. Selain itu, analisis keputusan UPSR yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, telah mencatatkan pencapaian yang tidak konsisten dari tahun 2013 hingga 2015 dalam pencapaian Bahasa Melayu Penulisan (012).

Berdasarkan analisis keputusan pencapaian UPSR (2015) yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, menunjukkan pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan (012) telah menunjukkan berlaku penurunan gred daripada 1.62 kepada 1.82 pada

tahun 2015. Lantaran itu, penyelidik ingin melihat secara lebih mendalam faktor yang menyebabkan kemerosotan ini berlaku. Selain itu, penyelidik juga membuat pemerhatian berdasarkan kualiti karangan yang dihasilkan oleh murid di sekolah sendiri. Terdapat kesalahan-kesalahan yang hampir serupa dilakukan secara berulang oleh murid. Ini memberikan gambaran awal bahawa terdapat faktor luaran yang menyebabkan perkara ini terjadi.

Berikut ditunjukkan Analisis Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan dalam Jadual 1.1 yang telah dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah berdasarkan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2015 yang telah diumumkan.



Jadual 1.1  
*Analisis Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan,2015*

| BIL | KOD | SUBJEK                          | TAHUN | AMBIL | GRED PENCAPAIAN |      |     |      |     |      | KUASAI<br>M.PEL | GRED<br>PENCAPAIAN |     |     |     | GPMP |  |  |
|-----|-----|---------------------------------|-------|-------|-----------------|------|-----|------|-----|------|-----------------|--------------------|-----|-----|-----|------|--|--|
|     |     |                                 |       |       | A               |      | B   |      | C   |      |                 | D                  |     | E   |     |      |  |  |
|     |     |                                 |       |       | BIL             | %    | BIL | %    | BIL | %    |                 | BIL                | %   | BIL | %   |      |  |  |
| 1   | 011 | BAHASA<br>MELAYU –<br>PEMAHAMAN | 2015  | 869   | 558             | 64.2 | 128 | 14.7 | 151 | 17.4 | 96.3            | 23                 | 2.6 | 9   | 1.0 | 1.62 |  |  |
|     |     |                                 | 2014  | 892   | 519             | 58.2 | 164 | 18.4 | 176 | 19.7 | 96.3            | 25                 | 2.8 | 8   | 0.9 | 1.70 |  |  |
|     |     |                                 | 2013  | 912   | 584             | 64.0 | 156 | 17.1 | 127 | 13.9 | 95.1            | 33                 | 3.6 | 12  | 1.3 | 1.61 |  |  |
| 2   | 012 | BAHASA<br>MELAYU –<br>PENULISAN | 2015  | 869   | 434             | 49.9 | 275 | 31.6 | 81  | 9.3  | 90.9            | 42                 | 4.8 | 37  | 4.3 | 1.82 |  |  |
|     |     |                                 | 2014  | 892   | 572             | 64.1 | 170 | 19.1 | 93  | 10.4 | 93.6            | 28                 | 3.1 | 29  | 3.3 | 1.62 |  |  |
|     |     |                                 | 2013  | 912   | 519             | 56.9 | 228 | 25.0 | 88  | 9.6  | 91.6            | 38                 | 4.2 | 39  | 4.3 | 1.74 |  |  |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Jadual 1.1 menunjukkan bahawa peratus bilangan murid yang memperoleh gred A antara tahun 2013 sehingga 2015 tidak konsisten dan pada tahun 2015, mencatatkan peratus terendah antara tiga tahun berkenaan. Peratus murid yang menguasai mata pelajaran ini iaitu yang memperoleh gred A,B dan C mencatatkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Gred purata mata pelajaran bagi Bahasa Melayu Penulisan turut menurun sebanyak 0.2. Ini jelas memberi gambaran kepada kita bahawa murid tidak dapat menguasai kemahiran yang sewajarnya perlu dikuasai bagi membolehkan murid memperoleh keputusan yang lebih baik.

Dalam penulisan, selain penguasaan format, aspek tatabahasa sememangnya menjadi aspek terpenting dalam menghasilkan ayat yang gramatis bagi memastikan murid mampu memperoleh markah yang cemerlang berdasarkan skema yang



ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan. Banyak faktor yang menjadi penyebab berlakunya kemerosotan pencapaian ini. Faktor yang berpunca daripada kegagalan murid menghasilkan ayat yang gramatis tidak dapat dinafikan mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa yang celaru di media-media sosial. Murid sememangnya sangat sinonim dengan penggunaan media berkenaan.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila penelitian terhadap hasil penulisan karangan murid sering ditemui penggunaan ayat-ayat yang ringkas dan tidak menggunakan hukum tatabahasa yang betul. Hal ini sudah pasti membawa kesan kepada pemarkahan yang diberi kepada murid.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk;

- i. Mengenal pasti persepsi guru terhadap kesalahan tatabahasa berdasarkan pengaruh media sosial
- ii. Menganalisis kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.
- iii. Mengenal pasti cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima.

## 1.5 Soalan Kajian



Sejajar dengan tiga objektif utama kajian ini, maka lima soalan kajian telah dikemukakan iaitu:

- i. Apakah skor min pandangan guru berdasarkan pengaruh media sosial terhadap penulisan karangan murid tahun lima?
- ii. Apakah kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima yang dianalisis?
- iii. Apakah skor min cara yang dikenal pasti oleh guru untuk mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima?





## 1.6 Kerangka Teoretikal Kajian

Setiap penyelidikan yang dijalankan perlu disokong dengan teori yang tepat supaya dapat dijadikan landasan dalam kajian yang dijalankan bagi menjelaskan fenomena-fenomena yang berlaku. Teori yang dipilih sewajarnya dapat membantu penyelidik menghuraikan konsep-konsep yang berkaitan, membuat perkaitan antara variabel-variabel yang terlibat. Selain itu, teori yang digunakan seharusnya membantu penyelidik membuat interpretasi yang tepat berkaitan fenomena yang dikaji.

Pada peringkat akhir penyelidikan, penyelidik juga dapat mengenal pasti dan mempelajari kelemahan sedia ada. Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik telah memilih Teori Interaksionalis sebagai asas dalam penyelidikan ini. Antara tokoh yang



(1976). Ahli-ahli teori ini berpendapat bahawa kebolehan kognitif sahaja tidak dapat menjelaskan pemerolehan bahasa kerana perkembangan kognitif hanya melengkapkan seorang kanak-kanak dengan kebolehan mentafsir makna, tetapi pentaksiran ini tidak boleh dilahirkan dalam bentuk bahasa (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Snow (1972 & 1977), Ringler dan rakan-rakan (1978), telah membuktikan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah hasil daripada interaksi penjaga atau ahli masyarakat dengan kanak-kanak. Terdapat banyak faktor yang boleh dipertimbangkan yang berperanan dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak. Menurut Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad (2012), faktor-faktor seperti persekitaran sosial, kematangan,





biologi dan kognitif memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Faktor-faktor tersebut saling berinteraksi lalu melakukan penyesuaian antara satu sama lain. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada interaksi linguistik supaya mereka dapat mempelajari cara-cara menggambarkan makna-makna kognitif dalam bentuk-bentuk bahasa tepat (Nik Hassan Basri, 2009). Menurut Nik Hassan Basri (2009) lagi, antara kesimpulan daripada teori ini yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah:

- i. Pembelajaran bahasa ialah proses mental dan linguistik.
- ii. Dalam sesuatu interaksi bahasa, penyampaian makna boleh diutamakan daripada struktur bahasa.
- iii. Struktur bahasa dapat dikuasai dengan cara yang lebih berkesan jika murid-murid menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna.
- iv. Pembelajaran ialah satu proses yang aktif. Sesuatu pengetahuan tidak akan diterima secara terus tetapi akan di proses dahulu. Pengetahuan baru haruslah dapat disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada agar dapat diterima dengan berkesan.
- v. Proses pembelajaran berlaku dalam beberapa cara mengikut keadaan dan masa tertentu misalnya sesuatu hal itu mungkin mudah diterima, sekiranya ada kaitannya dengan perkara yang menggembirakan.
- vi. Pembelajaran berlaku sekiranya sesuatu yang disampaikan itu mempunyai makna, dan hubungan dengan pengalaman sedia ada.
- vii. Antara pengajaran dan pembelajaran tidak ada hubungan secara langsung.






- vii. Pembelajaran tidak boleh disamakan dengan pengajaran. Sesuatu yang diajar tidak semestinya dapat dipelajari. Itulah sebabnya guru harus memahami strategi pembelajaran murid untuk menimbulkan suasana pembelajaran yang berkesan
- viii. Pembelajaran melibatkan perasaan, dan berkait rapat dengan emosi seseorang. Peranan pelajar haruslah dijaga agar timbul rasa yakin terhadap diri sendiri.
- ix. Pembelajaran juga melibatkan pemikiran. Pengetahuan, kecerdasan dan kebolehan dalam bahasa saling berkaitan.
- x. Pembelajaran berlaku sedikit demi sedikit, iaitu dari sudut kuantiti dan masa. Ada antaranya dapat dipelajari dengan banyak dalam masa yang pendek atau sebaliknya. Oleh itu, guru tidak seharusnya membuat kesimpulan bahawa tiap tiap yang diajar dapat dipelajari terus dalam masa yang ditetapkan.



Menurut Noor Aina Dani (2007), golongan interaksionalis didapati telah bekerjasama dengan mengambil jalan tengah antara Teori Behaviorisme dengan Teori Mentalis. Mereka menyatakan bahawa faktor luaran dan faktor bawaan semula jadi memainkan fungsi yang seimbang dan sama penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Manusia dapat bertindak balas secara peka terhadap pengalaman. Dengan cara ini, mereka dapat mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap persekitaran mereka. Penyelidik telah mengolah disiplin penggunaan dan penjanaan Teori Interaksionalis berdasarkan tajuk penyelidikan yang dijalankan. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1.2 Kerangka Teoretikal Kajian





Perkaitan yang dapat dilihat berkaitan tajuk dan unsur dalam teori ini adalah dengan melihat akibat daripada wujudnya hubungan antara persekitaran sosial, kematangan, biologi dan kognitif. Interaksi antara faktor-faktor ini berperanan penting dalam permerolehan bahasa kanak-kanak. Media sosial merupakan pengaruh persekitaran yang berfungsi sebagai medium komunikasi dalam masyarakat. Kesan daripada interaksi yang menjadi budaya dalam masyarakat hari ini akan menimbulkan dapatan baru atau ilmu sama ada bersifat positif atau sebaliknya.

Tindak balas kesan daripada ilmu yang diperoleh akan dapat dilihat dalam pembelajaran. Tindak balas seperti keasyikan dalam melayari media sosial dalam kehidupan seharian kepada murid akan membawa kesan kepada komunikasi sama ada secara lisan atau tulisan. Interaksi yang wujud melalui media sosial memberikan



pengaruh dalam aspek tatabahasa khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tahun lima bagi sekolah berkenaan. Pengaruh ini adalah dari sudut pelanggaran aspek tatabahasa seperti penggunaan imbuhan, kata sendi nama, penggunaan kata yang tepat, penggunaan tanda baca, ejaan dan ayat (struktur ayat).

Pelanggaran aspek tatabahasa ini wujud disebabkan kegagalan murid berkomunikasi dengan mengabaikan ketepatan semasa berinteraksi dalam kehidupan seharian ditambah pula dengan pengaruh perbualan di media sosial yang kerap menggunakan bahasa yang cacamarba. Aspek tatabahasa sering dipandang remeh kerana mereka lebih mementingkan penyampaian mesej atau makna dalam interaksi yang berlaku. Apabila proses interaksi dalam media sosial itu berlaku dalam suasana yang kondusif bagi kelompok penggunanya walaupun terdapat berlakunya ketidaktepatan penggunaan bahasa khususnya dalam aspek tatabahasa, hal ini akan





menjadi satu kebiasaan kepada pengamalnya lalu fenomena ini akan diulangi dalam interaksi yang seterusnya.

Hal ini jika tidak diberi perhatian akan memberi kesan kepada aspek tatabahasa dalam penulisan karangan kerana melalui teori ini, penyampaian makna lebih diutamakan daripada struktur bahasa yang tepat. Tabiat penggunaan bahasa yang tidak tepat ini akan terbawa-bawa dalam penulisan ilmiah khususnya dalam penulisan karangan murid berkenaan. Sebagai ahli masyarakat, kanak-kanak juga mempunyai kemampuan menguasai kemahiran untuk menggambarkan pemikiran dalam bentuk bahasa yang sesuai dengan situasi sosial. Teori ini berpendapat kanak-kanak perlu didedahkan kepada interaksi linguistik supaya mereka dapat mempelajari cara-cara menggambarkan makna dalam bentuk linguistik yang jelas.



Dalam memastikan bahasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari sentiasa mematuhi struktur bahasa, guru berperanan dalam mendidik dan memberi peneguhan supaya bahasa yang digunakan sentiasa mengikut hukum tatabahasa yang tepat. Kecelaruan dan kegawatan penggunaan bahasa yang kurang tepat begitu mudah kita temui dalam konteks komunikasi di media-media sosial dewasa ini. Berikut ialah antara contoh bahasa yang digunakan dalam komunikasi di laman-laman sosial.





Kualiti Bahasa Melayu yang diamalkan oleh murid semakin menurun sekiranya penggunaan bahasa rojak dan istilah-istilah remaja tidak dibendung penggunaanya. Lama-kelamaan bahasa ini akan menjadi sebatи khususnya kepada murid sekolah rendah yang masih mentah untuk menilai. Pelbagai istilah yang kurang tepat yang disogokkan kepada mereka setiap hari akan menimbulkan kekeliruan. Murid akan terbawa-bawa untuk menggunakan bahasa yang kurang tepat dalam perbualan dan penulisan di sekolah. Gaya penulisan yang tidak menerapkan penggunaan tatabahasa yang tepat sudah pasti membawa kesan kepada setiap lapisan masyarakat.

Kebiasaan yang wujud akan diserap masuk semasa menghasilkan penulisan akademik di sekolah. Ini merupakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya

05-4506832 kemerosotan pencapaian penulisan karangan murid yang dibincangkan sebelum ini. tbupsi

Hal ini bukan sahaja menyebabkan kualiti penulisan menurun, malah pengetahuan terhadap Bahasa Melayu turut terjejas. Jika dibuat pemerhatian secara mendalam, ramai murid tidak lagi dapat membezakan peraturan tatabahasa dan istilah sama ada betul atau salah. Apabila hal ini berlaku, maka ramai murid yang bertutur dan menulis tanpa mengambil kira hukum tatabahasa dan istilah yang betul. Hal ini akan menyebabkan berlakunya kecelaruan bahasa dan seterusnya akan menjatuhkan markah yang diberikan hasil penilaian guru atau pemeriksa. Oleh sebab itu, murid perlu dimantapkan dengan penguasaan dan pengetahuan yang mendalam tentang Bahasa Melayu.





Murid juga perlu sentiasa diingatkan agar tidak mudah menerima dan menggunakan bahasa-bahasa baharu yang belum tentu ketepatannya untuk menyampaikan sesuatu. Dapat dilihat bahawa penerapan atau penggunaan bahasa asing yang baharu saja muncul ini sangat menjelaskan penghayatan dan mutu penguasaan Bahasa Melayu kepada murid di negara ini. Lantaran itu, gaya bahasa yang digunakan oleh generasi muda khususnya murid sekolah melalui aplikasi media sosial yang digunakan secara meluas di seluruh dunia ini sememangnya telah mempengaruhi status dan kedudukan Bahasa Melayu dalam kalangan murid muktahir ini.

Hal ini berpunca kerana kemunculan perkataan-perkataan baharu yang sering digunakan dalam melayari media sosial mula mendapat tempat di hati para pengguna laman-laman sosial berkenaan. Penggunaan bahasa-bahasa baharu ini seolah-olah memberi satu kepuasan kepada penggunanya kerana mereka beranggapan bahasa ini lebih mudah untuk difahami, ringkas dan dapat menyampaikan maksud dengan cara yang menarik. Teori Interaksionalis menjadi asas dalam pembentukkan item-item soal selidik bagi mendapatkan data yang dikehendaki dalam menjawab soalan kajian.

Hubungan atau interaksi antara pengaruh persekitaran dengan interaksi yang wujud dalam masyarakat mempunyai kaitan yang jelas. Pengaruh media sosial dilihat sebagai faktor persekitaran yang mampu menimbulkan kesan kepada penulisan karangan Bahasa Melayu. Item yang dibina menguji dari aspek kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid seperti penggunaan tanda baca, imbuhan, penggunaan kata pemeri, struktur ayat dan ejaan yang salah. Kesalahan tatabahasa ini sering ditemui dalam komunikasi yang berlaku di media sosial.





## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Panitia Bahasa Melayu Sekolah dan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta untuk dijadikan sumber rujukan. Daripada kajian ini, pengkaji berharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat untuk menilai kesan pengaruh penggunaan media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tahun lima khususnya dalam daerah Kuala Pilah.

Perkara ini dapat dilakukan menerusi tinjauan berkaitan kualiti penulisan murid contohnya ketika menghasilkan karangan dan berkomunikasi dalam situasi seharian. Dari pada i

kepada semua guru mengenai kesan terhadap mereka sekiranya mereka mengabaikan aspek bahasa yang tidak tepat ketika berhubung melalui media sosial. Seharusnya mereka dapat menilai bahawa terlalu banyak pengaruh yang berpunca daripada media sosial terhadap ketepatan berbahasa khususnya daripada aspek tatabahasa jika perkara ini dipandang remeh.

Kajian ini juga boleh dijadikan sumber meluas kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk melihat kesan penggunaan media sosial seperti *Facebook* dalam kalangan guru terhadap komunikasi mereka. Dapatan kajian dapat menentukan arus perubahan yang bakal dibuat oleh pihak tertentu dalam memanipulasi media sosial supaya dapat dimanfaatkan oleh para guru. PPD seharusnya menggalakkan penggunaan media sosial di sekolah-sekolah secara terkawal dengan membantu





mengenal pasti tahap kemahiran guru dalam menggunakan aplikasi yang tersedia di dalam media sosial itu sendiri.

Peluang ini perlu dimanipulasi supaya media sosial yang dilayari boleh memberikan kesan positif terhadap guru dan murid melalui penyebaran maklumat, pengaksesan maklumat serta pemerolehan bahan yang bercorak interaktif serta boleh dimanfaatkan untuk pengajaran dan pemudahcaraan semasa di dalam kelas. Selain itu, PPD juga perlu menilai kembali program-program yang dirancang di peringkat PPD khususnya yang melibatkan usaha untuk merancang program peningkatan pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam. Banyak program yang dirancang sebelum ini lebih tertumpu kepada teknik menjawab soalan dan meningkatkan kemahiran guru yang mengajar.



Kini, sudah tiba masanya untuk merangka program yang berbentuk memupuk kesedaran dalam kalangan guru dan murid tentang perlunya mereka mempunyai semangat jati diri dalam mendaulatkan Bahasa Melayu. Jika kesedaran ini berjaya diterapkan, sudah pasti impak yang lebih besar boleh diperoleh. Bukan setakat murid mampu memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan malah kedaulatan Bahasa Melayu dapat dipupuk dalam jiwa generasi muda pada hari ini.

Kajian ini turut diharapkan memberi manfaat kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam merangka dasar pendidikan bagi memastikan tahap pendidikan adalah mencapai tahap yang baik seiring dengan kemajuan teknologi terkini. Dengan mengetahui motif penggunaan rangkaian laman sosial oleh guru, JPN boleh merangka dasar untuk menggalakkan lebih ramai guru menggunakan media ini dalam





pengajaran dan pemudahcaraan ( PdPc ). Namun begitu, usaha dalam memastikan elemen ketepatan berbahasa dijadikan tunjang pengajaran perlu diberi keutamaan. Usaha menyedarkan masyarakat khususnya murid dan mereka yang terlibat secara langsung dalam pendidikan agar peka dan prihatin terhadap isu.

Bahasa Melayu perlu terus dimartabatkan dalam kehidupan seharian tanpa mengira medium yang digunakan. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula, kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan untuk membantu penyelidik merangka plan tindakan berhubung tahap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc . Dapatkan di akhir kajian ini dapat memberikan gambaran tentang pandangan guru untuk menggunakan komputer khususnya dan aplikasi Internet dan multimedia dalam PdPc. Dengan itu, KPM dapat merangka dan menyediakan kursus dan bengkel seperti bengkel aplikasi laman rangkaian sosial dalam PdPc tanpa mengabaikan aspek ketepatan dalam berbahasa.

Selain itu, penambahbaikan daripada aspek kawalan kepada pengaksesan sistem juga perlu dinilai semula. Langkah ini adalah perlu agar pengguna khususnya murid dan pelajar sekolah dapat diawasi daripada melayari laman-laman sosial yang memberi kesan negatif kepada pembentukan sahsiah dan minda mereka.





## 1.9 Batasan Kajian

Bagi tujuan mengupayakan penyelidikan, penyelidik telah menggariskan beberapa batasan dalam penyelidikan ini. Antara batasan yang telah ditetapkan ialah:

- i. tempat kajian telah dibataskan iaitu di 35 buah sekolah rendah dalam daerah Kuala Pilah.
- ii. media sosial yang dibataskan dalam kajian ini ialah *Facebook* kumpulan dan individu, *Instagram* dan *Twitter*.
- iii. penyelidikan ini melibatkan pemilihan tiga skrip karangan bahasa Melayu murid tahun lima secara rawak daripada pelbagai aras.
- iv. dalam penentuan peserta kajian, pemilihan adalah dengan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Untuk kajian ini, penyelidik telah menentukan seramai 35 dalam kalangan guru tahun lima yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu bagi membolehkan penyelidik menjalankan kajian dengan mendalam. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
- v. penyelidik juga telah menentukan tempoh untuk menjalankan penyelidikan ini. Secara keseluruhan, kajian ini telah dijalankan dalam tempoh tujuh bulan (28 minggu) kerana penyelidikan ini adalah tesis sepenuhnya bagi penyelidik memenuhi syarat untuk ijazah sarjana dalam bidang sastera.
- vi. pada peringkat pengumpulan data, soal selidik dan analisis teks telah digunakan untuk mendapatkan analisis berhubung soalan kajian.





## 1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah aspek penelitian yang memberikan informasi kepada kita tentang bagaimana caranya mengukur variabel. Definisi operasional adalah petunjuk kepada kita tentang bagaimana caranya mengukur suatu variabel. Definisi operasional merupakan informasi ilmiah yang sangat membantu peneliti lain yang ingin melakukan penelitian dengan menggunakan variabel yang sama berdasarkan informasi itu, pengkaji akan mengetahui bagaimana caranya melakukan pengukuran terhadap variabel yang dibangun berdasarkan konsep yang sama. Dengan demikian ia dapat menentukan apakah tetap menggunakan prosedur pengukuran yang sama atau diperlukan pengukuran yang baharu.



### *Definisi Operational*

| Dimensi              | Soal selidik  |
|----------------------|---|
| Kesalahan Tatabahasa | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kesalahan penggunaan tanda baca</li><li>2. Imbuhan yang salah</li><li>3. Kesalahan penggunaan kata pemeri.</li><li>4. Kesalahan kata sendi</li><li>5. Kesalahan struktur ayat</li><li>6. Kesalahan ejaan</li><li>7. Penggunaan singkatan</li><li>8. Penggunaan bahasa dalam penulisan yang mirip kepada bahasa yang digunakan di media</li></ol> |





---

social

9. Perbendaharaan kata yang terhad

10. Penggunaan simbol tertentu untuk menyampaikan maksud

11. Penggunaan bahasa seperti carutan dan maki hamun

12. Bahasa slanga dan dialek daerah

13. Hanya bergantung kepada pembelajaran di sekolah

Cara guru mengatasi kesalahan atau kelemahan

1. Mengarahkan murid membuat pembetulan dalam latihan yang telah disemak.

2. Menguasai format penulisan



berkesan

4. Menegur kesalahan tatabahasa yang kerap dilakukan

5. Menyalin karangan

6. Membina ayat secara lisan berdasarkan gambar

7. Menilai karangan dengan teliti

8. Bimbingan murid secara individu dan kumpulan

9. Ganjaran untuk murid

10. Menyediakan bahan kreatif untuk pengajaran

---





dan pembelajaran

11. Mempamerkan hasil karangan yang berkualiti.

12. Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif

13. Merancang pendekatan yang sesuai

---

Definisi operasional berfungsi untuk mengoperasikan kajian khususnya menunjukkan proses memperoleh data dilakukan. Data diperoleh melalui item soal selidik yang telah dibina. Item ini terbahagi kepada dua dimensi yang menjurus kepada pemerolehan data iaitu dimensi B iaitu berkaitan kesalahan dan kelemahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid dan dimensi C berkaitan cara guru mengatasi kesalahan



Pemerolehan data berkaitan pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tahun lima dioperasikan melalui item yang telah dibina seperti pernyataan murid menggunakan tanda baca yang salah dalam penulisan seperti noktah, koma, tanda sempang, tanda tanya, tanda seru, tanda pengikat kata, tanda noktah bertindih, garis condong dan tanda kurung. Selain itu, data juga diperoleh berdasarkan item yang berkaitan kesalahan penggunaan imbuhan, penggunaan kata pemerlui, kesalahan penggunaan kata sendi, struktur ayat dan ejaan. Kesalahan tatabahasa ini yang dikaji bagi melihat pengaruh yang dibawa kesan penggunaan media sosial ke dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tahun lima.





Penggunaan bahasa singkatan, penggunaan simbol tertentu untuk menyampaikan maksud, penggunaan bahasa slanga dan dialek daerah sudah lama menjadi kebiasaan dalam kalangan pengamal media sosial. Prinsip teori Interaksionalis menyatakan faktor-faktor persekitaran sosial, kematangan, biologi dan kognitif memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Kesalahan tatabahasa berkenaan sering dilakukan dalam kalangan pengguna media sosial dalam setiap lapisan masyarakat khususnya murid sekolah. Media sosial merupakan pengaruh persekitaran luaran yang berupaya memberikan kesan terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu.

Teori Interaksionalis yang menjadi landasan dalam kajian ini menyatakan bahawa pengaruh persekitaran mempunyai kesan interaksi dalam masyarakat. Data berkaitan cara guru mengatasi pengaruh media sosial terhadap kesalahan tatabahasa dalam penulisan karangan murid tahun lima diperoleh dalam soal selidik dalam dimensi c iaitu pernyataan yang berkaitan cara guru mengatasi kesalahan dan kelemahan. Pernyataan yang merujuk cara guru mengatasi kesalahan dan kelemahan tatabahasa adalah dengan mengarahkan murid membuat pembetulan, guru menguasai format yang tepat, kemahiran menyampaikan pengajaran dengan berkesan dalam kalangan guru Bahasa Melayu, kerap memberi teguran sekiranya murid melakukan kesalahan tatabahasa dalam penulisan, menggunakan buku-buku rujukan sebagai panduan, menilai karangan murid dengan teliti, memberikan bimbingan kepada murid secara individu dan berkumpulan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu, guru juga menyediakan bahan rangsangan yang sesuai dan kreatif untuk menarik minat murid. Pengelolaan bilik darjah yang kondusif dan ceria dapat menggalakkan aktiviti pembelajaran tatabahasa dengan berkesan. Guru merancang dan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menyampaikan isi pembelajaran berkaitan tatabahasa. Murid perlu dibantu dalam menguasai peraturan-peraturan bahasa. Prinsip ini merupakan asas dalam teori Interaksionalis yang menjadi landasan dalam kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi